



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

**SIARAN MEDIA
PELANCARAN PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN MOTOR (PPKM) TUKAR HAK MILIK PERSENDIRIAN (M.V.15) OLEH CARRO TECHNOLOGY SDN. BHD.**

KAJANG - Kementerian Pengangkutan (MOT) mengalu-alukan pelancaran **Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM)** bagi **Pemeriksaan Tukar Hak Milik Persendirian (M.V.15)** oleh **Carro Technology Sdn. Bhd.** akan mula beroperasi secara serentak melibatkan **lapan (8) cawangan** bermula **16 Jun 2026**.

Pelancaran ini adalah susulan kepada **pengumuman Kerajaan** pada **16 Julai 2025** berhubung pelantikan **syarikat-syarikat baharu** bagi melaksanakan perkhidmatan **Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM)** khusus untuk **Pemeriksaan Tukar Hak Milik Persendirian (M.V.15)** selain daripada **PUSPAKOM**.

Inisiatif ini juga selaras dengan keputusan **Mesyuarat Jemaah Menteri** pada **17 Mac 2023** yang bersetuju untuk membuka perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor yang diperuntukkan di bawah **Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)** kepada syarikat-syarikat lain yang berkelayakan.

Sebanyak **lapan (8)** pusat pemeriksaan Carro akan mula beroperasi serentak pada **16 Jun 2026** di lokasi berikut:

- **Glenmarie, Selangor;**
- **Wangsa Melawati, Kuala Lumpur;**
- **Kajang, Selangor;**
- **Klang, Selangor;**
- **Bayan Lepas, Pulau Pinang;**
- **Melaka; • Muar, Johor; dan**
- **Johor Bahru, Johor**

Untuk makluman, operasi **PPKM M.V.15** oleh **Carro Technology Sdn. Bhd.** adalah tertakluk kepada **syarat dan piawaian ketat** yang ditetapkan oleh Jabatan





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Pengangkutan Jalan (JPJ), termasuk penyediaan **infrastruktur dan peralatan pemeriksaan yang lengkap, integrasi sistem operasi dengan MySIKAP, mendapatkan kelulusan pihak berkuasa berkaitan**, serta memastikan **Pemeriksa Kenderaan Motor** menjalani program pentauliahan yang ditetapkan oleh JPJ sebelum dibenarkan beroperasi.

Carro juga perlu menyediakan **ruangan atau lorong pemeriksaan khas** serta **kakitangan yang berasingan** bagi tujuan pemeriksaan tukar hak milik, selaras dengan pematuhan kepada standard **ISO/IEC 17020:2012 - Conformity Assessment Requirements for the Operation of Various Types of Bodies Performing Inspection**.

Antara syarikat lain yang sedang dalam proses pembangunan cawangan **PPKM M.V.15** adalah **Syarikat Carsome Academy Sdn Bhd (Sg.Buloh, Selangor), Car Medic Sdn. Bhd. (Kajang dan Serdang, Selangor) dan Beriman Gold Sdn. Bhd. (Kuching, Miri, Sibu, Bintulu, Sarawak)**. Pembukaan pusat pemeriksaan baharu ini membuktikan komitmen kerajaan dalam **memperluas akses rakyat** kepada perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang **lebih cekap dan berkualiti**, sekali gus menyediakan **lebih banyak pilihan** serta membantu mengurangkan kesesakan sedia ada.

Pada masa yang sama, MOT dan JPJ akan terus memastikan semua pengendali PPKM **mematuhi standard keselamatan, keperluan teknikal dan tahap integriti** yang telah ditetapkan demi kepentingan serta keselamatan pengguna jalan raya. MOT dan JPJ yakin langkah memperluaskan pusat pemeriksaan kenderaan ini akan menyokong usaha Kerajaan MADANI dalam **memperkukuh mutu penyampaian perkhidmatan awam** serta meningkatkan tahap keselamatan jalan raya negara.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

26 MEI 2026

-TAMAT-





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

MENGENAI MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

